



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 32/2017 dari 6 Ogos hingga 12 Ogos 2017)

Pada Minggu ke-32 tahun 2017 iaitu dari 6 Ogos hingga 12 Ogos 2017, sebanyak 1,899 kes Demam Denggi telah dilaporkan iaitu sama bilangan kes yang direkodkan pada minggu sebelumnya, menjadikan jumlah keseluruhan kes Demam Denggi yang dilaporkan sehingga 12 Ogos 2017 adalah 61,420 kes, berbanding 69,400 kes pada tahun 2016 untuk tempoh yang sama, menunjukkan penurunan sebanyak 11.5%, iaitu sejumlah 7,980 kes.

Namun begitu, terdapat lapan (8) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Sabah 32 kes (68.1%), Melaka 18 kes (60.0%), Kedah 8 kes (27.6%), Pulau Pinang 12 kes (24.0%), Pahang 7 kes (21.2%), Perak 5 kes (8.6%), Kelantan 2 kes (3.8) dan Johor 2 kes (0.8%). Pemantauan lokaliti wabak Demam Denggi menunjukkan terdapat 698 lokaliti wabak Demam Denggi yang masih aktif dan 121 lokaliti hotspot.

Sebanyak enam (6) kes kematian akibat Demam Denggi dilaporkan pada Minggu ke-32 tahun 2017 iaitu empat (4) kes di Johor dan dua (2) kes di Selangor. Ini menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi sehingga 12 Ogos 2017 adalah sebanyak 141 kematian, berbanding 153 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2016, iaitu penurunan sebanyak 12 kematian (7.8%).

Mengenai situasi virus Zika, menurut laporan terkini yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bertarikh 10 Mac 2017 terdapat sebanyak 84 buah negara melaporkan jangkitan virus Zika. Tiada kes Zika

dilaporkan di negara ini bagi tahun 2017. Pemantauan sistem surveilan virus Zika dari 1 Januari sehingga 12 Ogos 2017 oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) di atas 1,207 sampel darah dan 29 sampel air kencing di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah semuanya didapati negatif.

Tiada kes Chikungunya yang didaftarkan pada Minggu ke-32. Jumlah kumulatif kes Chikungunya yang direkodkan pada tahun 2017 sehingga 5 Ogos 2017 adalah sebanyak 248 kes iaitu 186 kes dari Kedah, 33 kes dari Selangor, 24 kes dari Johor, tiga (3) dari Kelantan dan dua (2) kes dari Perak. Transmisi jangkitan Denggi, Chikungunya dan Zika adalah melalui vektor yang sama iaitu nyamuk Aedes.

Berdasarkan kepada tren semasa Denggi, dijangkakan akan berlaku peningkatan kes bermula Oktober hingga Disember seperti pada tahun-tahun yang lepas. Aktiviti pencegahan pembersihan persekitaran oleh individu, komuniti dan semua agensi hendaklah dilakukan serta merta. Sehubungan itu, bersempena dengan semangat Bulan Kemerdekaan, aktiviti gotong-royong perlu diterapkan sebagai salah satu aktiviti masyarakat di seluruh negara sempena sambutan kemerdekaan. KKM turut mengambil inisiatif bersama KPKT dan JPNIN melalui pasukan COMBI, KRT dan LA 21 menganjurkan Gotong-Royong Merdeka 2017 dengan tema “Negeraku Sehati Sejiwa – Sihat dan Bersih” yang dilaksanakan bermula 1 Ogos sehingga 16 September 2017 melibatkan komuniti di semua peringkat. **Tiada Aedes, Tiada Denggi dan Chikungunya.**


DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

DATUK DR SHAHNAZ MURAD
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)
Kementerian Kesihatan Malaysia
No. MMC 26324

22 OGOS 2017

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 32/2017
(6 Ogos hingga 12 Ogos 2017)**

Bil.	Negeri	BilanganKesanan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 32/2017		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 32/2016	
		Minggu 32 (6 Ogos – 12 Ogos 2017)		Minggu 31 (30 Julai – 5 Ogos 2017)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	3	0	131	0	111	1
2	Kedah	37	0	29	0	1,081	4	623	2
3	P. Pinang	62	0	50	1	1,624	11	2,005	11
4	Perak	63	0	58	0	4,517	9	2,552	7
5	Selangor	1,045	2	1,067	0	33,636	54	36,903	52
6	WP KL & Putrajaya	158	0	210	0	6,323	19	5,825	13
7	N. Sembilan	39	0	41	0	2,461	11	1,849	18
8	Melaka	48	0	30	0	988	1	1,517	5
9	Johor	260	4	258	0	5,232	18	8,349	12
10	Pahang	40	0	33	0	1,183	2	1,656	7
11	Terengganu	6	0	8	0	210	1	1,624	13
12	Kelantan	54	0	52	0	1,995	2	2,281	6
13	Sarawak	7	0	12	1	694	4	1,866	5
14	Sabah	79	0	47	0	1,309	5	2,233	1
15	WP Labuan	0	0	1	0	36	0	6	0
	MALAYSIA	1,899	6	1,899	2	61,420	141	69,400	153

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 32/2017 (6 Ogos hingga 12 Ogos 2017)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Mutiara Taman Sri Nanding	121	200
2	WPKL	Cheras	Flat Sri Kota	71	189
3	SELANGOR	Gombak	Appt Laguna Biru	127	171
4	SELANGOR	Hulu Langat	Pandan Height Kondo Taman Pandan Mewah	54	168
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	88	143
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	59	139
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	37	134
8	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo)	104	124
9	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	22	113
10	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Desa Mutiara Sungai Jelok	35	113
11	WPKL	Cheras	Flat Sri Penara	73	111
12	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Suasana 4 Bandar Tun Hussein Onn	69	109
13	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 15-25 Taman Kantan Permai	59	108

14	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres E : Jln 7/29 - 7/35)	38	105
15	SELANGOR	Hulu Langat	Evergreen Park Acorn & Hazel Bandar Sungai Long	53	104
16	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 1-14 Taman Kantan Permai	28	102
17	WPKL	Cheras	Jalan Mewah	42	96
18	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Mentari Court	39	95
19	SELANGOR	Gombak	Kg Kerdas 5	52	94
20	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4/12 Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	60	94
21	WPKL	Cheras	Bukit Jalil(Vista Komanwel B)	34	93
22	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	23	93
23	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Taming Kiri Taman Taming Jaya	19	89
24	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Suasana 2 Bandar Tun Hussein Onn	54	89
25	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	77	88
26	WPKL	Cheras	Bayu Tasik Condo 1	25	85
27	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Mewah 2 Pandan Mewah	20	85
28	WPKL	Cheras	P/Puri Kos Rendah Bdr Tasik Selatan (Blok A - E)	59	83
29	SELANGOR	Petaling	Seksyen U13 (Pangsapuri Seroja)	27	82
30	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z6	31	79
31	SELANGOR	Gombak	Kg Kerdas 4	33	77

32	WPKL	Cheras	Pangsapuri Segar Ria, Tmn Segar	20	70
33	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Delima Taman Pinggiran Delima	32	69
34	WPKL	Cheras	Jalan Jujur	17	68
35	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Tenaga	12	68
36	SELANGOR	Petaling	BI Pju 9 Sd Court	27	67
37	SELANGOR	Hulu Selangor	Apt. Sri Cempaka Bs	31	66
38	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Jasmin 16-22 Taman Jasmin	18	65
39	JOHOR	Johor Bharu	Flat Taman Mawar	25	64
40	WPKL	Cheras	Appt Arena Green, Bukit Jalil	15	63
41	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 3 Palm Spring Kondo 2 : Blok D, E, F	17	62
42	SELANGOR	Hulu Langat	Kawasan Perindustrian Bukit Angkat Sungai Chua	7	61
43	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cendana_Zon 3	23	61
44	SELANGOR	Hulu Langat	Evergreen Park Cypress Bandar Sungai Long	20	60
45	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Utama	28	60
46	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z5	17	60
47	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Subang Impian & Jln U5/178 - 180 & Jln Cc U5/Cc-Ce U5/Ce)	18	60
48	JOHOR	Johor Bharu	Tapak Projek R&F Tanjung Puteri	90	60
49	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 10 Ridzuan Kondo	18	58

50	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Rakan 9-17 Taman Rakan	10	55
51	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Taman Kajang Mewah	13	55
52	SELANGOR	Sepang	Unipark Condo	11	54
53	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Tanjung Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	8	53
54	JOHOR	Kulaijaya	Tmn Mewah 2	16	53
55	SELANGOR	Hulu Langat	Pekan Kajang	9	52
56	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Pahlawan Bandar Mahkota Cheras	17	52
57	WPKL	Cheras	Sri Mas Kondo	10	51
58	SELANGOR	Gombak	Bdr Country Homes Fasa 13	14	49
59	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Megah Ria_Jln Jelatang	19	49
60	WPKL	Cheras	Appt Jalil Damai (Bukit Jalil)	10	47
61	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Alamanda-Enau Taman Bukit Belimbing	11	47
62	SELANGOR	Gombak	Sri Maya Condo	13	46
63	WPKL	Cheras	Asrama Smaiwp	21	45
64	SELANGOR	Petaling	Usj 6/2	16	45
65	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 3	11	45
66	SELANGOR	Gombak	Appt Palma Bch	12	44
67	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Mawar Taman Sutera	10	44
68	JOHOR	Kulaijaya	Tmn Indahpura Blok Kenanga	35	44

69	SELANGOR	Gombak	Tmn Samudera Selatan	6	43
70	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bj 1-12 Taman Balakong Jaya	8	42
71	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A, B)	9	42
72	SELANGOR	Petaling	Putra Height 8 (Jln Putra Bahagia 8/2)	9	42
73	JOHOR	Kulaijaya	Taman Desa Idaman_Blok 1	19	41
74	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Inang Taman Impian Ehsan	4	40
75	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Melur Taman Sutera	7	39
76	SELANGOR	Klang	Tmn Gembira (Lorong Hilir)	8	39
77	SELANGOR	Gombak	Tmn Berjaya	28	39
78	SELANGOR	Klang	Pangsapuri Saujana Damai	15	39
79	JOHOR	Johor Bharu	Politeknik Jb	10	39
80	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Nadayu Kajang	7	38
81	SELANGOR	Hulu Langat	Lorong Dato Mufti 1-6 Kampung Dato Mufti	6	37
82	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z1	18	37
83	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Kasturi Cheras	9	37
84	P PINANG	Barat Daya	Kg. Seronok	26	37
85	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 6/1-8a Kampung Tasik Tambahan	8	36
86	SELANGOR	Hulu Langat	Kampung Sungai Raya	8	36

87	SELANGOR	Petaling	Ss 19/6	9	36
88	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Asa Jaya	14	36
89	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 5 (Aman Heights)	5	36
90	P PINANG	Barat Daya	Taman Muhibah	4	36
91	N SEMBILAN	Seremban	Taman Seremban Jaya Fasa 5	7	36
92	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Desa Cemerlang_Jln Johar	5	36
93	WPKL	Lembah Pantai	Flat Tmn Bukit Angkasa (Blok 9 & Blok 16-20)	5	35
94	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Taman Asa Jaya	12	35
95	SELANGOR	Petaling	Usj 6/5 - Usj 6/7	9	35
96	P PINANG	Barat Daya	Pangsapuri Sri Pahlawan	11	35
97	PERAK	Kinta	Kg Baru Kuala Kuang	14	35
98	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Intan Taman Sri Nanding	5	34
99	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Tenaga	4	34
100	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Semarak Sungai Chua	10	34
101	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Seri Jarom	5	34
102	SELANGOR	Gombak	Kota Emerald Fasa 8	8	34
103	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat Z 7	12	34
104	JOHOR	Johor Bharu	Tmn U_Kejayaan	6	34
105	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Empire City	11	33

106	SELANGOR	Hulu Langat	Flat A7-12 Pandan Mewah	5	33
107	SELANGOR	Klang	B.B.R (Jln Klang Sentral 4)	20	33
108	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv 1 (Zon A)	8	33
109	SELANGOR	Gombak	Tmn Ukay Perdana Fasa 1	9	33
110	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Delima Taman Pinggiran Delima	4	33
111	SELANGOR	Petaling	Seksyen U19 (Rkat Kem Paya Jaras)	8	33
112	SELANGOR	Gombak	Appt Bayu Bch	14	33
113	P PINANG	Timur Laut	Kampung West Jelutong	4	33
114	JOHOR	Johor Bharu	Flat Peringkat 3, Perjiranan 8	13	33
115	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Intana Ria Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	8	32
116	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bukit Permai 1-5 Taman Bukit Permai	13	32
117	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Impian Indah	6	32
118	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Desa Serdang	7	31
119	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bentara Bandar Mahkota Cheras	4	31
120	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Ecohill 1/3 Setia Ecohill	9	31
121	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4,5,12,14&16 Taman Sri Jelok	5	31

